

# Air di semua empangan mencukupi

Pembenihan awan antara usaha dilakukan kerajaan negeri

■ AHMAD ISMADI ISMAIL & AZIHAN GHAZALI

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor yakin paras empangan di Selangor masih mencukupi untuk sumber air sepanjang musim panas.

Pengerusi Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani Zaidy Abdul Talib berkata, paras empangan di negeri ini di tahap baik dan masih terkawal.

Menurutnya, antara langkah yang sedang dijalankan oleh kerajaan negeri ialah menyediakan kolam-kolam alternatif di Lembangan Sungai Selangor yang mampu membekalkan sehingga 800 juta liter sehari (JLH) air mentah.

"Sebahagian dari kolam-kolam ini sedang dijalankan pembinaan projek Hybrid off River Augmentation System atau singkatannya HORAS yang berperanan besar dalam mengurangkan kebergantung-

an kepada satu sumber air mentah, sekali gus memberi jaminan bekalan air berterusan kepada lebih tujuh juta pengguna air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Saya juga telah melakukan lawatan kerja di kolam tersebut, jumlah air di kolam itu sebagai sokongan kepada kolam semula jadi yang lain. Ia juga dijangka dapat menampung kekurangan air mentah akibat musim panas," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Zaidy berkata, pihaknya juga melakukan projek pembenihan awan antara langkah kerajaan negeri memastikan bekalan air mencukupi.

"Projek ini dilakukan di beberapa kawasan tadahan dan lembangan sungai bagi meningkatkan kuantiti sumber air. Justeru itu, kami tidak mahu rakyat bimbang walaupun kita berdepan musim panas," katanya.

Namun begitu, Zaidy ber-



Zaidy melawat kolam Horas di Bestari Jaya, baru-baru ini.

kata, Selangor masih mempunyai bekalan air yang cukup bahkan paras air empangan di tahap yang amat positif dan sehingga 15 Mac 2016, kapasiti takungan semua empangan di Selangor berada di dalam keadaan baik melebihi paras 70 peratus..

Menurut beliau lagi, Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi merupakan empangan utama dalam pembekalan air di Negeri Selangor iaitu

meliputi 60 peratus daripada jumlah pembekalan air di seluruh Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Berdasarkan rekod, penggunaan air per kapita bagi rakyat di Negeri Selangor adalah pada kadar yang tinggi iaitu sebanyak 235 liter sehari.

"Kerajaan Selangor menyeru semua pengguna supaya menjimatkan penggunaan air setiap isi rumah. Ini adalah juga salah satu langkah untuk

INFO			
Status Empangan 15 Mac 2016			
EMPANGAN	PARAS AIR (m)	TAKUNGAN (%)	HUJAN (mm)
BATU	100.15	83.36	1.00
KLANG GATES	93.09	80.98	0.00
LANGAT	215.71	70.16	16.80
SEMENYIH	108.52	85.32	0.00
SUNGAI Selangor	215.50	86.51	0.00
SG TINGGI	57.65	88.21	0.00
TASIK SUBANG	38.32	97.51	0.00

SUMBER: <http://fwrims.luas.gov.my/>

memastikan kelangsungan bekalan air di Selangor pada masa akan datang," katanya.

Namun katanya, kerajaan negeri sentiasa mengambil

peduli masalah yang berlaku serta mengambil beberapa penilaian risiko bagi menghadapi kemungkinan berlakunya kekurangan bekalan air